

Prosedur Pengurusan Buangan Terjadual di Fakulti Perubatan

TUJUAN

Prosedur ini menerangkan tatacara Pengurusan Buangan Terjadual di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya.

SKOP

Prosedur ini merangkumi aktiviti untuk menguruskan pelupusan buangan terjadual secara berpusat di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya bagi kegunaan kakitangan yang menjalankan prosedur dan telah diberi latihan yang berkaitan.

TANGGUNGJAWAB

1. Pihak pengurusan diwakili oleh OSHE unit dan Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan pekerjaan. Pihak ini bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan pelupusan BT di Fakulti Perubatan dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang tempatan sedia ada
2. Pengeluar sisa hendaklah memastikan BT dikumpul, disediakan, dilabel, diinventori, didokumen dan diangkut ke tempat pengumpulan mengikut prosedur yang ditetapkan.

DOKUMEN RUJUKAN

1. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
2. Garis panduan pengendalian dan pengurusan sisa klinikal di Malaysia, Jabatan Alam Sekitar Malaysia
3. Dokumen kualiti QMEC Universiti Malaya (UM-PT04-PK01-AK035, UM-PT04-PK01-AK036)
4. Dokumen pengurusan bahan buangan terjadual; Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda Universiti Malaya (Jadual Kedua, Jadual Kelima, Jadual Ketujuh, label buangan terjadual dari laman sesawang UM Portal)

DAFTAR KATA

Singkatan

KM	– Kakitangan Makmal
PE	– Pengguna/ Pelajar
PM	– Penyelaras/ Penyelia / Koordinator Makmal
PSK	– Penyelia Sisa Kimia
BT	– Buangan Terjadual
JPPHB	– Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda

HURAIAN

1. Koordinator Buangan Terjadual (BT Klinikal & BT Kimia)
Nama: Chai Hann Juang
Buangan terjadual (Kimia/ Klinikal): Kimia dan Klinikal
Jawatan: Pegawai sains
Emel: hjchai@ummc.edu.my
Telefon: 03-79677509

2. Penerangan ringkas prosedur pengumpulan dan penghantaran BT ke stor simpanan sementara/lokasi pungutan


2.1. **Aktiviti (BT kimia)**

No.	Aktiviti	Tanggungjawab
1	Mengenalpasti jenis BT	KM, PE, PM
2	Melengkapkan maklumat dalam label BT	KM, PE, PM
3	Memaparkan label BT di setiap bekas buangan terjadual	KM, PE, PM
4	Menghantarkan BT dari lokasi penghasilan ke setor sementara	KM, PE, PM
5	Melengkapkan Jadual Kedua dengan maklumat kuantiti penggunaan bahan kimia mentah dan jangkaan kuantiti penghasilan jenis BT secara bulanan	PM
6	Melengkapkan Jadual Kelima dengan maklumat BT yang ingin dilupuskan	PM
7	Melengkapkan Jadual Ketujuh dengan maklumat BT yang ingin dilupuskan	PM
8	Mengemukakan Jadual Kedua, Kelima dan Ketujuh ke koordinator BT	PM
9	Memproses dan mengemukakan Jadual Kedua, Kelima dan Ketujuh yang telah dikumpul ke JPPHB untuk pemakluman pelupusan	Koordinator BT
10	Pemakluman tarikh pelupusan	JPPHB
11	Penghantaran BT ke lokasi pungutan	KM, PE, PM
12	Pemantauan kerja kontraktor lantikan JPPHB	Koordinator BT
13	Pengesahan kerja pungutan BT di lokasi pungutan	Koordinator BT, JPPHB
14	Mengemaskini dokumentasi BT	PM, Koordinator BT
15	Tamat	

2.2. Aktiviti (BT klinikal)


No.	Aktiviti	Tanggungjawab
1	Mengumpulkan BT dengan bekas yang sesuai	KM, PE, PM
2	Melengkapkan maklumat dalam label BT	KM, PE, PM
3	Memaparkan label BT di setiap bekas buangan terjadual	KM, PE, PM
4	Menghantarkan BT dari lokasi penghasilan ke lokasi pungutan	KM, PE, PM
5	Menimbang dan merekodkan jisim BT	Koordinator BT
6	Mengesahkan penghantaran BT dari lokasi penghasilan ke lokasi pungutan	PM, Koordinator BT
7	Pemantauan kerja kontraktor lantikan JPPHB	Koordinator BT
8	Melengkapkan Jadual Kelima dan mengemukakan ke pihak JPPHB	Koordinator BT
9	Pengesahan kerja pungutan BT di lokasi pungutan	Koordinator BT, JPPHB
10	Mengemaskini dokumentasi BT	Koordinator BT
11	Tamat	

3. Carta alir prosedur pengumpulan dan penghantaran BT ke stor simpanan sementara/lokasi pungutan




4. Pelan laluan penghantaran atau kutipan BT dari makmal/ bengkel/ klinik ke stor simpanan sementara

4.1. Aktiviti (BT kimia)



4.2. Aktiviti (BT klinikal)



5. Jadual kutipan atau pengumpulan BT (BT Klinikal & BT Kimia) ke stor simpanan sementara

Perkara	Masa Kutipan/ Pengumpulan	Kekerapan Kutipan/ Pengumpulan	Lokasi Kutipan/ Pengumpulan
BT Klinikal	Hari: Khamis Masa: 10.00 pagi TERTAKLUK KEPADA MAKLUMAN OLEH PIHAK JPPHB	Sekali setiap minggu TERTAKLUK KEPADA MAKLUMAN OLEH PIHAK JPPHB	• Lapangan bangunan Blok R • Parkir bangunan AEU
BT Kimia	TERTAKLUK KEPADA MAKLUMAN JADUAL PUNGUTAN BT OLEH PIHAK JPPHB		• Parkir Pejabat Dekan (Aras 5, Blok A) • Parkir Aras 2, Blok T • Lapangan bangunan Blok R